

SENARAI SEMAK

PERMOHONAN PECAH BAHAGIAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 140-144 KANUN TANAH NEGARA

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Borang 9B (3 Salinan) | <input type="checkbox"/> |
| 2. Memorandom And Article of Association berserta Borang 49 dan 24 - sekiranya permohonan dibuat oleh syarikat. | <input type="checkbox"/> |
| 3. Bayaran permohonan mengikut Kaedah Tanah Selangor 1966 bagi setiap hak milik ialah RM100.00. | <input type="checkbox"/> |
| 4. Salinan Kad Pengenalan pemilik-pemilik tanah. | <input type="checkbox"/> |
| 5. Pastikan semua pemilik tanah yang berdaftar masih hidup. Seandainya ada yang meninggal dunia, waris dinasihatkan untuk membuat permohonan ke Jabatan Pesaka dan kemukakan dokumen pendaftaran dari Pesaka ke Jabatan Tanah. Waris juga hendaklah mengemukakan Surat Akuan persetujuan yang ditandatangani depan Pesuruhjaya Sumpah dan di "Stamping". | <input type="checkbox"/> |
| 6. Pastikan semua bersetuju untuk membuat permohonan pecah bahagian tanah. | <input type="checkbox"/> |
| 7. Pastikan juga ada jalan keluar / masuk ke lokasi yang hendak dipecah bahagi, jika tiada jalan pemohon hendaklah menyerahkan sebahagian (30 kaki) untuk jalan keluar/masuk. | <input type="checkbox"/> |
| 8. Sekiranya melibatkan serahan jalan, Borang 12B hendaklah diisi dan ditandatangani oleh setiap pemilik-pemilik tanah. | <input type="checkbox"/> |
| 9. Pecahan hendaklah tidak kurang daripada 0.25 ekar; bagi tanah yang berstatus PERTANIAN , seandainya BANGUNAN , pecahan boleh dibuat kurang daripada 0.25 ekar bagi setiap individu. | <input type="checkbox"/> |
| 10. Lantik Jurukur Berlesen (swasta). | <input type="checkbox"/> |
| 11. Pelan yang mengandungi Pelan Kunci, Pelan Lokasi dan Pelan Tapak yang disediakan oleh Juru Ukur Berlesen (8 Salinan) melainkan permohonan pecah tanah ladang (20 salinan). | <input type="checkbox"/> |
| 11.1 <u>Pelan Kunci</u> | |
| 11.1.1. Pelan Kunci hendaklah dalam skill 1 in - 1 Batu. | |
| 11.1.2. Lot berkenaan hendaklah ditanda dengan tanda MERAH dan jalan ditanda dengan tanda KUNING . | |
| 11.1.3. Kedudukan tanah (milestone), mukim, nombor lot dan nombor syif ukur hendaklah ditandakan. | |

- 11.1.4. Nyatakan maklumat mengenai kawasan Simpanan Melayu, kawasan simpanan parit, simpanan hutan, kawasan tадahan air, simpanan orang asli dan Majlis Penguasa Tempatan hendaklah ditandakan.
- 11.1.5. Kawasan Pembangunan dalam lingkungan 3km seperti Rancangan Perumahan, Industri dan lain-lain projek pembangunan hendaklah juga dimasukkan.

11.2 Pelan Lokasi

11.2.1.

Pelan Lokasi hendaklah dalam skala (Scala) 1 inci = 8 rantai, 1 inci - 4 rantai, 1 inci - 2 rantai atau 1 inci - 1 inci (Tertakluk kepada keluasan tanah) dengan menunjukkan beberapa lot yang berhampiran dan jalan keluar masuk dari jalan JKR ke rancangan tanah berkenaan.

12. Pelan permohonan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Juru Ukur Berlesen.
13. Pelan hendaklah ditandatangani oleh kesemua pemilik tanah.
14. Sijil Carian Rasmi yang **ASAL**.
15. Sesalinan resit cukai tanah tahun semasa.
16. Sesalinan Hak Milik Tanah
17. Surat persetujuan bertulis daripada pihak yang berkepentingan berdaftar ke atas tanah sama ada Pemegang Gadaian, Kaveat atau tuntutan faedah di bawah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran.
18. Nama Pemohon / No. Telefon :
19. Nama Juru Ukur / No. Telefon :

Disemak oleh :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Kanun Tanah Negara

BORANG 9 B

(Seksyen 142)

PERMOHONAN UNTUK MEMECAHKAN BAHAGIAN TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah ini, tuanpunya bersama tanah yang berikut—

*Bandar/Pekan/Mukim No. Lot

Jenis dan No. Hakmilik..... Luas

dengan ini memohon kelulusan untuk memecahkan bahagian tanah itu kepada
bahagian, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan pecah bahagian yang dicadangkan itu yang ada
dikembarkan bersama ini, supaya terletak haknya pada tuanpunyanya mengikut jadual di bawah ini.

*Bagi maksud-maksud penjelasan maka *saya/kami kembarkan juga suatu surat huraian.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 142, Kanun Tanah Negara, maka sekarang *saya/kami hantar—

(a) bayaran yang ditetapkan sebanyak RM

(b) pelan yang tersebut di atas bersama dengan salinannya;

(c) satu salinan surat kelulusan daripada pihak berkuasa Perancang;

(d) satu surat persetujuan daripada tiap-tiap seorang daripada orang yang berikut (iaitu orang-orang yang persetujuan mereka dengan bertulis adalah dikehendaki kerana sebab-sebab tertentu yang dinyatakan dalam tiap-tiap satu surat itu)—

(1)

(2)

(3)

(e) persetujuan bertulis tiap-tiap seorang tuanpunya bersama yang tidak menandatangi permohonan ini, yang namanya ditandakan dengan "X" dalam ruangan satu dalam jadual di bawah ini.

3. *Saya/kami dengan ini mengaku bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dikembarkan bersama ini, suatu jalan masuk yang memuaskan ke tiap-tiap satu bahagian (melainkan sesuatu bahagian dari mana akan ada jalan masuk terus ke sesuatu jalan, sungai, tempat di pantai pasang-surut atau stesen keretapi atau ke sesuatu tempat di dalam tanah itu dari mana sesuatu jalan masuk yang seumpama itu boleh didapati dengan jalan membuat permohonan untuk suatu hak lalu-lalang yang diberi oleh Pentadbir Tanah) akan diadakan—

*(i) atas tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri;

*(ii) dengan suatu hak lalu-lalang yang diisyiharkan oleh Pentadbir Tanah.

*4. Berkenaan dengan tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik mengikut perenggan kecil (i) di atas itu maka saya/kami dengan ini mengaku akan membina suatu jalan menurut darjah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada haribulan 19.....

Untuk digunakan hanya jika termasuk di bawah penetapan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri menurut seksyen 136 (2), Kanun Tanah Negara.

Tandatangan Tuanpunya
bersama tanah

JADUAL PECAH BAHAGIAN

Tanda "X" menunjukkan orang yang tidak menandatangani	Nama Penuh tiap-tiap seorang Tuanpunya bersama	Alamat Tuanpunya bersama	Bahagian Tanah yang didaftarkan	Luas Bahagian yang berkenaan	Tanda dalam pelan menunjukkan Bahagian

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

(A) Cukai bagi tahun ini telah dibayar.

Pentadbir Tanah.....

Untuk digunakan jika kelulusan perancangan tidak didapati terlebih dahulu.

(B) (1) Pecah bahagian sebagaimana dalam pelan yang dikembarkan bersama ini diluluskan.
 (2) Satu salinan pelan tersebut disimpan.

Tandatangan

Pihak Berkuasa Perancangan.....

(C) Pecah bahagian diluluskan *tertakluk kepada perubahan-perubahan yang berikut

Bertarikh pada haribulan 19.....

Pengarah/Pentadbir Tanah

* Potong mana-mana yang berkenaan.

†HURAIAN—Persetujuan dengan bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—

- (i) pajakan kesemua tanah itu atau sesuatu bahagian *melainkan suatu bahagian yang betul-betul bersamaan dengan satu daripada bahagian-bahagian yang dicadangkan itu*;
- (ii) gadaian tanah itu, atau gadaian pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);
- (iii) *lien* atas tanah itu, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara, Malaysia, menurut Pemberitahu Undang-Undang No. 12 tahun 1964—A.G. 3309 S.F. 1; P.T.T.M. 5/65 (4).]